

27 MAR 1997

Singapura-kenyataan

HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA TIDAK DIBEKUKAN

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Kabinet tidak membuat keputusan untuk membekukan hubungan dengan Singapura, kata pemangku Menteri Luar Datuk Abang Abu Bakar Mustapha hari ini.

Bagaimanapun, beliau mengesahkan bahawa mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam telah membincangkan beberapa isu mutakhir yang berkaitan dengan hubungan kerajaan Malaysia dan kerajaan Singapura.

"Perlu saya tegaskan bahawa apa yang dilaporkan oleh pihak media massa sebagai tajuk utama sebahagian besar akhbar-akhbar tempatan pada hari ini adalah kurang tepat," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan dari pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Abang Abu Bakar, yang juga Menteri di Jabatan Perdana Menteri, berkata apa yang dimaksudkan adalah bahawa kerajaan sedang mengkaji implikasi episod tersebut terhadap perhubungan dua hala dengan Singapura berikutan dengan kenyataan Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew mengenai Johor dan reaksi kerajaan Singapura terhadap kenyataan tersebut.

Laporan akhbar hari ini, yang memetik beberapa menteri, menyebut bahawa Kabinet semalam memutuskan untuk membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura berikutan perkembangan terkini berhubung kenyataan Lee itu.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi kini berada di Tokyo menyertai lawatan rasmi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun.

Sementara itu, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong berkata beliau perlu masa untuk memahami keputusan terbaru kabinet Malaysia sebelum dapat mengulas selanjutnya. -- BERNAMA

TM MAI